

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI SELANGOR

oleh

ABD. HAMID SAID

SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH,  
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA  
LUAK-LUAK DI NEGERI SEMBILAN.

JABATAN SYARIAH  
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

81/ 82

SISTEM POLITIK ADAT PERPATIH,  
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA  
LUAK-LUAK DI NEGERI SEMBILAN.

Oleh

Abd. Hamid Said.

Penyelia

En. Abd. Monir Hj. Yaacob.

Untuk

Memenuhi Syarat Mendapat  
Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Islam Dengan Kepujian

Di

Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
81/ 82

## KANDUNGAN

|                     |   |
|---------------------|---|
| 1. Pendahuluan..... | i |
|---------------------|---|

## BAB PERTAMA

### PENGERTIAN ADAT SERTA PEMBAHAGIAN DAERAH YANG TERDAPAT DI NEGERI SEMBILAN.

|                                      |    |
|--------------------------------------|----|
| 2. Pengertian Adat.....              | 1  |
| 3. Pengertian Adat Perpatih.....     | 12 |
| 4. Adat Yang Sebenar Adat.....       | 16 |
| 5. Adat Yang Teradat.....            | 17 |
| 6. Adat Istiadat.....                | 17 |
| 7. Kemunculan Adat Perpatih.....     | 18 |
| 8. Kawasan Asal Negeri Sembilan..... | 25 |

## BAB KEDUA

### POLA-POLA KEPIMPINAN POLITIK DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH.

|                                                             |    |
|-------------------------------------------------------------|----|
| 9. Konsep Pemimpin Dan Kepimpinan Secara Umum.....          | 31 |
| 10. Konsep Politik.....                                     | 37 |
| 11. Konsep Demokrasi.....                                   | 38 |
| 12. Konsep Feudalisme.....                                  | 41 |
| 13. Konsep Sosialisme.....                                  | 42 |
| 14. Demokrasi Dan Adat Perpatih.....                        | 42 |
| 15. Sosialisme Dan Adat Perpatih.....                       | 43 |
| 16. Kedudukan Politik Negeri Sembilan.....                  | 46 |
| 17. Analisa Birokrasi.....                                  | 48 |
| 18. Konsep Pemimpin Dan Kepimpinan Dalam Adat Perpatih..... | 49 |
| 19. Syarat-Syarat Menjadi Pemimpin.....                     | 55 |
| 20. Sifat-Sifat Seorang Pemimpin.....                       | 55 |
| 21. Kedudukan Ekonomi yang Baik.....                        | 55 |
| 22. Badan Yang Sihat.....                                   | 56 |
| 23. Watak Yang Baik.....                                    | 57 |
| 24. Akal.....                                               | 59 |
| 25. Tugas-Tugas Seorang Pemimpin.....                       | 60 |
| 26. Pantang Larang Terhadap Seorang Pemimpin.....           | 62 |

## BAB KETIGA

### PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH.

|                                                                    |    |
|--------------------------------------------------------------------|----|
| 27. Keadaan Masyarakat Adat Perpatih.....                          | 65 |
| 28. Sepintas Lalu Struktur Dan Organisasi Dalam Adat Perpatih..... | 66 |

|                                                                                          |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 29. Proses Perlantikan Pemimpin-Pemimpin.....                                            | 67  |
| 30. Buapak.....                                                                          | 67  |
| 31. Kedudukan Dan Tugas Buapak Dalam Masyarakat.....                                     | 71  |
| 32. Lembaga.....                                                                         | 75  |
| 33. Syarat-Syarat Menjadi Lembaga.....                                                   | 76  |
| 34. Istiadat Penyembahan.....                                                            | 78  |
| 35. Upacara Penyembahan Kepada Undang.....                                               | 80  |
| 36. Tugas-Tugas Lembaga Dalam Masyarakat.....                                            | 82  |
| 37. Adat Istiadat Perlantikan Undang Serta Perbandingan Antara Luak-Luak Yang Empat..... | 86  |
| 38. Luak Dan Ikatan Suku-Suku.....                                                       | 87  |
| 39. Keadaan Hidup Dalam Suku.....                                                        | 88  |
| 40. Kedudukan Datuk Undang Dalam Masyarakat.....                                         | 91  |
| 41. Cara Perlantikan Undang Sungai Ujong.....                                            | 92  |
| 42. Cara Perlantikan Undang Johol.....                                                   | 96  |
| 43. Kuasa Undang.....                                                                    | 97  |
| 44. Cara Perlantikan Undang Luak Rembau.....                                             | 100 |
| 45. Cara Perlantikan Undang Luak Jelebu.....                                             | 105 |
| 46. Penghulu.....                                                                        | 113 |
| 47. Cara Perlantikan Penghulu Gunung Pasir.....                                          | 113 |
| 48. cara Perlantikan Penghulu Inas.....                                                  | 115 |
| 49. Cara Perlantikan Penghulu Jempol.....                                                | 117 |
| 50. Cara Perlantikan Penghulu Terachi.....                                               | 118 |
| 51. Cara Perlantikan Penghulu Gem nchih.....                                             | 119 |
| 52. Cara Perlantikan Penghulu Luak Air Kuning.....                                       | 120 |
| 53. Cara Perlantikan Penghulu Luak Ulu Muar.....                                         | 121 |
| 54. Cara Perlantikan Tengku Besar Tampin.....                                            | 124 |

## BAB KEEMPAT

### YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DAN CARA PERLANTIKANNYA.

|                                                         |     |
|---------------------------------------------------------|-----|
| 55. Sejarah Ringkas Permulaan Yang Dipertuan Besar..... | 128 |
| 56. Kedatangan Raja Melewar Ke Negeri Sembilan.....     | 130 |
| 57. Kebesaran Dan Martabat Raja.....                    | 137 |
| 58. Adat Istiadat Perlantikan Yang Dipertuan Besar..... | 139 |
| 59. Syarat-Syarat Pemilihan Calon Yang Di Pertuan.....  | 144 |
| 60. Adat Istiadat Pertabalan.....                       | 146 |
| 61. Adat Istiadat Bersiram.....                         | 148 |
| 62. Istiadat Pertabalan.....                            | 150 |
| 63. Pelaksanaan Adat.....                               | 151 |
| 64. Upacara Mengangkat Sembah.....                      | 154 |
| 65. Isteri Yang Di Pertuan Besar.....                   | 159 |
| 66. Cara Pertabalan Tengku Ampun.....                   | 160 |
| 67. Jawatan-Jawatan Yang Terdapat Dalam Istiadat.....   | 163 |
| 68. Penutup.....                                        | 168 |

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya tertentu kepada Allah yang berkuasa di langit dan di bumi. Selawat dan salam ke atas nabi besar Muhammad S.a.w. juga ke atas ahli-ahli keluarga dan para pengikutnya.

Dengan kekuatan dan petunjuk yang diberikan oleh Allah dapatlah saya menyudahkan kajian ilmiah ini. Kajian ini adalah untuk memenuhi syarat bagi mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan Kepujian.

Untuk itu saya mengambil kesempatan bagi mengucapkan ribuan terima kasih serta merakamkan setinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu En. Abd. Monir bin Haji Yaacob yang telah membimbing, memberi panduan serta teguran dan nasihat dalam usaha untuk menyiapkan latihan ilmiah ini.

Juga saya merakamkan jutaan penghargaan kepada ibu dan ayah yang sentiasa memberi galakan, semangat dan kewangan dalam mengejar cita-cita saya. Tidak dilupakan juga kepada kawan-kawan yang sentiasa memberi dorongan dan kerjasama untuk menyiapkan kerja saya ini. Juga kepada datuk-datuk Lembaga, Buapak dan setiausaha-setiausaha kepada Undang yang pernah saya temu bual dan mengambil bahan yang berkenaan dengan latihan ilmiah ini. Kepada mereka-mereka semua, saya doakan semoga diberkati Allah sentiasa.

Wassalam.

## SINOPSIS

Adat Perpatih terdapat dalam sajak-sajak tradisi dan perbilangan adat di kalangan suku-suku bangsa di Negeri Sembilan dan Daerah Naning Melaka. Ia merupakan sistem adat yang agak unik, di mana susunan pemerintahan dan perwarisan harta adalah didasarkan menurut susur galur kepada sebelah ibu.

Menurut sejarah, Adat Perpatih adalah berasal dari masyarakat Minangkabau di Sumatra. Lama kelamaan ia berkembang kepada beberapa luak dan seterusnya penyatuan di antara luak-luak menjadikan Negeri Sembilan yang ada pada hari ini. Luak-luak inilah yang menjadi objektif penulis untuk mengkaji tentang perbandingan politik yang terdapat.

Untuk memudahkan kajian penulis pembahagian latihan ilmiah ini kepada empat bab. Pada dasarnya merangkumi setiap aspek masyarakat dan politik kepimpinan yang boleh di imbaskan berbentuk piramid, di mana bermula dari peringkat yang paling rendah hingga ke peringkat yang paling tinggi.

Dalam bab pertama, penulis akan mengesahkan tentang pengertian adat, sejarah kedatangan seterusnya ia berkembang membentuk luak-luak dan berlainan pula dari segi struktur politiknya. Manakala dalam bab yang kedua, penulis akan melanjutkan perbincangan mengenai kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih. Ini termasuklah konsep kepimpinan, syarat-syarat menjadi pemimpin serta tugas-tugas yang mesti disandang oleh pemimpin.

Berikutnya dalam bab yang ketiga dan keempat, penulis akan mengesahkan berupa adat istiadat perlantikan, di mana bermula dari peringkat yang paling rendah “Buapak” hinggalah kepada peringkat yang paling tinggi “Yamtuan”. Juga akan diceritakan mengenai kedudukan Yamtuan dari segi pemerintahan.

Hidupnya Adat Perpatih hingga ke hari ini, menandakan yang ianya diterima oleh masyarakat setempat. Untuk mengetahui secara terperinci, sila meneliti keseluruhan penulisan latihan ilmiah ini.

## PENDAHULUAN

Bila memperkatakan tentang adat, terbayang kepada kita bahawa ia merupakan suatu amalan yang digunakan atau diikuti oleh masyarakat keseluruhannya, yang mana amalan itu berjalan terus dari satu generasi ke satu generasi yang berikutnya. Adat pula berbeza dari satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Sebagai contoh berpeluk-pelukan atau bercium di khalayak ramai sebagai mengucap selamat datang atau selamat berpisah untuk sementara di antara lelaki dan perempuan adalah suatu adat tradisi yang baik di kalangan masyarakat barat. Tetapi sebaliknya peradaban yang bertentangan dengan tata susila peradaban bangsa.

Bila mengkaji adat di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga keadaan. Pertama adat Temenggung, kedua adat Kampung dan ketiga Adat Perpatih. Antara ketiga-tiga adat ini mempunyai ciri-ciri perbezaan yang ketara. Adat Perpatih adalah yang wujud di Negeri Sembilan dan sebahagian dari Negeri Melaka. Ia merupakan suatu adat yang unik yang sepatutnya di banggakan oleh orang-orang Melayu. Kerana di samping ia sebagai adat, merangkumi juga di dalam adat itu sistem politik yang berlainan dengan adat atau sistem politik yang pernah wujud dalam tamadun manusia. Lantaran itulah adat ini menjadi tumpuan kepada pengkaji-pengkaji barat seperti M.B. Hooker, E.N. Taylor dan lain-lain datang mengkaji adat ini dan seterusnya membuat buku untuk memaparkan kepada masyarakat berhubung dengan sistem politik yang wujud dalam Adat Perpatih.

Jadi, sebagai memenuhi kehendak fakulti untuk mendapat ijazah kepujian maka usaha menulis tesis ini atas tajuk yang bersangkutan dengan sistem politik Adat Perpatih Negeri Sembilan. Saya kagum dengan struktur politik yang ada, kerana dalam perubahan tamadun manusia yang sebegini moden, ia masih lagi kekal sebagai adat yang boleh diterima oleh rakyat.

## BAB KEDUA

### POLA-POLA KEPIMPINAN POLITIK DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH

#### Konsep Pemimpin Dan Kepimpinan Secara Umum.

Konsep pemimpin dan kepimpinan ini sering kita temui. Khususnya dalam lapangan politik. Pelbagai definisi tentang konsep ini dikemukakan oleh para sarjana. Perlu sekali diterangkan apakah yang dimaksudkan dengan istilah “pemimpin” dan “pimpinan”. Dalam definisi pemimpin yang paling mudah ialah seorang yang memimpin orang lain menuju kepada satu matlamat tertentu.<sup>1</sup> Definisi ini bersifat umum, dengan itu boleh digunakan dengan pelbagai-bagai situasi. Bermacam-macam jenis orang boleh digelar sebagai pemimpin. Misalnya seorang kanak-kanak yang memimpin seorang tua menuju tempat perhentian bas, bapa yang berusaha memberikan pelajaran baik kepada anaknya, membawalah kepada seorang pejuang politik yang membawa rakyat jelata kepada satu revolusi yang menggoncangkan dunia. Walau dalam situasi apa pun, konsep pemimpin dan pimpinan ternyata memperlihatkan dua pihak berinteraksi yang masing-masing saling bantu membantu antara satu sama lain. Jelasnya ada golongan yang memimpin dan dipimpin.

Dalam pengertian yang khusus, sebilangan ahli psikologi bersetuju pada umumnya dengan pendapat bahawa pemimpin-pemimpin adalah mereka yang biasanya boleh dan memang mempunyai pengaruh ke atas orang lain, dengan erti kata fikiran, perkataan dan tindakannya boleh mempengaruhi perlakuan orang lain, yang biasanya disebut sebagai pengikut.<sup>2</sup> Tafsiran oleh syed Husin Ali melihat dari keseluruhan aspek peribadi seseorang individu. Di sini bakat kepimpinan menjadi ukuran sebagai kelayakan untuk menempatkan individu sebagai seorang pemimpin. Sementara keluasan pengaruh pula merupakan faktor peneguhan kepada kedudukannya dalam masyarakat.

Menurut penggunaan ahli sosiologi, ada tiga kategori yang menunjukkan bagaimana istilah pemimpin itu digunakan:

1. Mereka yang pencapaiannya, atas dasar beberapa matlamat, adalah dianggap sebagai tinggi.
2. Mereka yang dianggap dan diiktiraf statusnya sebagai lebih tinggi daripada orang-orang lain yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sama.

---

<sup>1</sup> Syed Husin Ali, Masyarakat Dan Pimpinan Kampung Di Malaysia, Fajar Bakti, Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1977, hal. 8.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 10.



3. Mereka yang memberi dorongan dan mendapat sambutan secara integratif dari rakyat.<sup>1</sup>

Dengan itu bolehlah dikatakan seorang penyajak yang telah mencapai kejayaan tinggi dalam alam penyajaknya boleh dianggap sebagai pemimpin di dalam lapangan tersebut, tetapi dia tak semestinya mempunyai apa-apa interaksi dengan sebarang individu atau kumpulan yang dapat dikatakan sebagai pengikutnya. Dengan penyampaiannya yang tinggi ia boleh mempengaruhi dunia puisi sehingga boleh mengubah selera, sikap dan reaksi penyajak, pengkritik dan juga pencipta puisi pelbagai jenis bentuk puisi.<sup>2</sup> Bentuk pimpinan dan juga sambutan yang diberikan kepada penyajak yang dibincangkan ini adalah berbeza dengan corak pimpinan seorang tokoh politik yang memimpin bangsanya dalam perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan. Jadi kelainan dalam bidang pencapaian mengakibatkan dalam kelainan corak pimpinan antara seorang individu dengan yang lain. Antara seorang seniman, tokoh politik atau pegawai tadbir misalnya, corak kepimpinan mereka agak berbeza.

Justeru itu, antara pemimpin dan corak pimpinan saling pengaruh mempengaruhi. Sifat-sifat yang ada individu baik semula jadi atau di bentuk merupakan asas pendorong ke arah pengwujudan pemimpin dan corak kepimpinan. Peranan pemimpin dapat kita lihat menerusi institusi yang dapat memenuhi keperluan individu dari pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, agama dan sebagainya. Penentuan peranan dalam institusi tersebut adalah dipengaruhi oleh bentuk-bentuk peranan itu sendiri dan alam persekitarannya.

Seseorang pemimpin seperti juga individu yang lain dalam masyarakat, mempunyai tali perhubungan yang boleh digunakan untuk mencapai bermacam-macam matlamat melalui pelbagai jenis institusi. Bila sudah menjadi pemimpin, dia tak dapat lari dari menerima hak dan tanggungjawab serta kuasa yang sah. Jelasnya pemimpin dan pimpinan berhubung rapat dengan kekuasaan. Keteguhan kedudukan dan pengaruh seorang pemimpin dan pimpinannya bergantung pada pengesahan yang di terima dari pengikutnya. Dalam mentadbir, pemimpin kini lebih cenderung untuk menjaga status dari mengubah peranan institusi dan susunan masyarakatnya. Penilaian terhadap pemimpin ini hanya dapat diukur melalui kemampuannya menjalankan tugas.

Ekoran dari ini tanpa kita sedari, muncul dua corak pemimpin iaitu "pemimpin yang dibentuk oleh peranan" dan "pemimpin yang menentukan peranan". Pemimpin yang pertama sudah tentu tidak membawa pembaharuan, tapi masih punya pengaruh yang luas kerana dia hanya perlu melaksanakan peranan tersebut tanpa melibatkan pengikut-pengikutnya. Berbanding dengan pemimpin kedua, perubahan peranan bermakna perubahan dalam perlakuan susunan masyarakat. Ini berlaku kerana mereka menjalani proses asimilasi menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pemimpin. Inilah pemimpin yang sebenarnya kerana dia bukan saja memimpin mengikut lunas-lunas yang sedia ada malah menolak atau tambah supaya sesuai dengan peredaran zaman. Kedudukan seorang pemimpin atau peranan yang

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 10.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 10.

dimainkan dalam hierarki kuat kuasa adalah ditentukan oleh masyarakat itu sendiri.

Kepimpinan adalah fungsi pemimpin-pemimpin dalam masyarakat, dan untuk memahaminya dengan penuh ia hendaklah ditinjau dan dikaji dalam konteks keseluruhannya masyarakat itu. Penilaian sifat-sifat yang tertentu dan juga suasana sosio-sejarah saja belum lagi memadai untuk menentukan corak kepemimpinan. Kepimpinan ini adalah hasil dari interaksi di antara orang-orang yang mempunyai kebolehan untuk melaksanakan pimpinan dan keperluan yang timbul hasil dari keadaan-keadaan yang tertentu dalam satu-satu masyarakat pada satu-satu ketika.<sup>1</sup> Dalam masyarakat Melayu ada dua istilah yang sering digunakan bagi orang-orang yang menjalankan fungsi kepemimpinan ini, iaitu “pemimpin” dan “ketua”.

Dalam konteks ini, pemimpin lebih banyak menggambarkan orang yang berkecimpung di bidang politik, yakni mereka yang bergerak ke peringkat yang lebih tinggi dan penting. Berbeza dengan “ketua” yang hanya berfungsi dalam kumpulan kecil. Tapi secara umum istilah pemimpin dan ketua membawa pengertian dan fungsi yang sama.

Kesimpulannya sama ada ketua pemimpin, adalah merupakan istilah yang melambangkan seseorang individu yang berkedudukan penting dalam masyarakat, di samping berfungsi menunjuk ajar kepada mereka yang kedudukan rendah darinya. Untuk menjadi pemimpin, individu mesti memiliki beberapa sifat tertentu yang membolehkan orang ramai mengiktirafkannya sebagai pemimpin berkebolehan.

### **Konsep Politik**

Ada tiga gejala yang menerbitkan pengertian politik. Gejala-gejala itu ialah:<sup>2</sup>

- a) Polity iaitu bentuk pemerintahan masyarakat manusia.
- b) Policy iaitu jenis-jenis tindakan yang dilaksanakan bila mentadbir dan menguruskan hal ehwal manusia.
- c) Politics iaitu strategi-strategi yang tercipta akibat dari persaingan individu dan kelompok dalam suatu masyarakat.

Jadi sebagai suatu bentuk pemerintahan masyarakat manusia Adat Perpatih adalah satu ‘polity’ dengan mempunyai ‘polity’ nya tersendiri yang kemudiannya pula melahirkan corak ‘politics’ yang khusus kepada Adat Perpatih.

### **Konsep Demokrasi**

Demokrasi menurut Gould dan Kolb<sup>3</sup> mempunyai tiga pengertian:

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 16.

<sup>2</sup> G. Baladier, Political Anstropology, Pelican/ Peguin, England, 1972, hal. 22-41.

<sup>3</sup> Goulb dan Kolb (ED), A Dictionary Of Sosial Sciences, Tavi Stock Publication, London, 1964. hal. 137-138.

- a) Pentakrifan umum, iaitu demokrasi merupakan satu cara hidup dalam sesebuah masyarakat di mana dipercayai setiap individu yang menganggotainya mempunyai hak dan peluang yang sama apabila mengambil bahagian atau bertindak dalam sesuatu hal berpandukan nilai dan norma masyarakat tersebut.
- b) Pentakrifan terhad, iaitu demokrasi adalah satu situasi dalam mana didapati peluang setiap anggota sesuatu masyarakat itu adalah sama untuk menyertai secara bebas dalam membuat sebarang keputusan dalam sebarang suasana yang melibatkan kehidupan setiap anggotanya secara individu atau secara kelompok.
- c) Pentakrifan sempit, iaitu demokrasi merupakan satu keadaan di mana setiap warga negara dalam sesebuah negara itu mempunyai peluang yang sama untuk menyertai secara bebas dalam membuat sebarang keputusan yang bercorak politik yang memberi kesan akibat langsung kepada setiap anggota secara individu atau secara kelompok.

### **Pengertian Demokrasi**

Istilah demokrasi ialah cantuman dua perkataan Yunani atau Greek iaitu “Demos” ertinya “penduduk” atau “rakyat” dan “Kratos” ertinya “kekuatan” atau “kedaulatan”.

Oleh yang demikian apa yang kita maksudkan dengan demokrasi ialah kuasa pemerintahan dan perjalanan pemerintahan sesebuah negeri adalah dipegang dan dikendalikan sendiri oleh para penduduk atau rakyat. Abraham Lincoln menyifatkan demokrasi sebagai “suatu pemerintahan kerana rakyat, untuk rakyat, oleh rakyat”.<sup>1</sup> Kesimpulannya demokrasi adalah satu pemerintahan atau kerajaan yang didirikan dan dikendalikan sendiri oleh penduduk atau rakyat. Kerana faedah dan kebahagiaan adalah untuk dinikmati bersama di kalangan rakyat.

Roosevelt pula berkata, kerajaan itu adalah kita, kitalah kerajaan, engkau dan aku. Dan apabila rakyat sendiri memerintah negeri, maka sudah tentulah mereka akan memelihara dan memperjuangkan hak-hak kepentingan mereka bersama menurut yang dihalalkan oleh undang-undang negeri, iaitu undang-undang yang mereka sendiri menguatkuasakan. Pendek kata mereka akan memperjuangkan dan mempertahankan keadilan untuk kebajikan dan kebahagiaan mereka bersama.<sup>2</sup>

### **Konsep Feudalisme**

Feudalisme adalah sistem sosio-politik yang berasaskan ekonomi luar bandar atau “peasantry” dengan penggunaan tanah menjadi faktor penentu kekuasaan, oleh itu kekuasaan dibahagi-bahagikan menurut kawasan. Ada pemusatan kuasa dalam tangan segelintir manusia berasaskan kekuatannya dan tali persaudaraan dalam peringkat kawasan kecil atau keseluruhan gugusan kawasan-kawasan tadi. Antara ciri-ciri pentingnya:

<sup>1</sup> Abdul Rahman bin Haji Muhammad, op. cit, hal. 2.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 2.

- a) Ada jurang sosial dan ekonomi antara pemerintah yang kaya dan golongan diperintah yang miskin.
- b) “Polity” nya dikuasai oleh sekelompok manusia secara turun-temurun, (atau oleh segolongan tuan tanah).
- c) Ada bentuk hubungan-hubungan sosial, ekonomi dan politik yang dikenali sebagai “patron client”.<sup>1</sup>

### Konsep Socialism

Socialism berasal dari kata pokok “sosius” dari perkataan Latin, ertinya seorang teman atau seorang sahabat. Dari kata pokok “sosius” lahir “sosial” ertinya suka berbaik-baik dengan orang lain atau mesra bergaul dengan orang lain. “Society” ertinya masyarakat. Jadi socialism itu adalah satu teori politik atau falsafah politik (falsafah hidup) yang mengutamakan masyarakat (iaitu teman-teman hidup seseorang dalam hidup masyarakat) lebih tepat lagi socialism mementingkan supaya umat manusia tetap hidup bermasyarakat berdasarkan hukum alam.<sup>2</sup>

### Demokrasi Dan Adat Perpatih

Ada satu perbilangan adat yang berbunyi:

Kertas mari di surat,  
     Di surat orang dengan pisau,  
 Di Aceh rajanya sedaulat,  
     Di darat rajanya Minangkabau.<sup>3</sup>

Berpandukan kepada perbilangan ini menunjukkan pemerintahan Adat Perpatih di darat ialah “Minangkabau”, ertinya rakyat Minangkabau sendiri. Pemerintahan Adat Perpatih adalah datang dari bawah (rakyat). Rakyatnya memerintah melalui wakil-wakilnya sendiri yang dilantik oleh rakyat dan wakil-wakil yang dilantik boleh pula dipecat kalau dikehendaki oleh rakyat.

### Socialism Dan Adat Perpatih

Ada satu pantun:

Sejak berduku, berkelapa,  
     Pantan tidak panjang lagi,  
 Sejak bersuku berkepala,  
     Badan nan tidak senang lagi.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Patron = Tuan tanah, pelindung, berkuasa dari segi politik, ekonomi dan sosial. Client = Pekerja yang meminta perlindungan, taat dan tertakluk dari segi politik, ekonomi dan sosial.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 3.

<sup>3</sup> Haji Mohtar bin H. Md. Dom, Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal publications, Kuala Lumpur, 1977, hal. 11.

<sup>4</sup> Ibid, hal. 6.

Pantun ini menunjukkan bagaimana keadaan seseorang anak buah di dalam sukunya. Cara mereka hidup bersuku (bermasyarakat) dan mengikut setiap anak buah supaya:

Tegak bersaudara saudara dipertahankan,  
Tegak berkampung kampung dipertahankan,  
Tegak bersuku suku dipertahankan,  
Tegak bernegeri negeri dipertahankan,  
Tegak berbangsa bangsa dipertahankan.<sup>1</sup>

Ini menunjukkan setiap anak buah dimestikan patuh kepada suku dan masyarakatnya. Anak buah mesti mementingkan suku dari kepentingan diri sendiri. Oleh sebab setiap orang itu hidup bermasyarakat, maka tiap-tiap anak buah itu terikat kepada masyarakat. Anak buah itu tidaklah dapat berbuat sesuatu dengan hanya menurut kehendak hatinya semata-mata. Tiap suatu yang dilakukannya mestilah menguntungkan atau merugikan masyarakatnya.

Kedudukan anak buah dengan masyarakatnya itu adalah diibaratkan “seperti mentimun dengan durian- menggolek pun luka, kena golek pun luka”. Ini semua didasarkan kepada hukum alam “patah tumbuh hilang berganti, sekali air bah sekali tepian berubah”.<sup>2</sup> Jadi alamlah yang menjadi petunjuk kepada Adat Perpatih, seperti kata perbilangan:

Penakek pisau seraut,  
ambil galah batang lintangan,  
selodang jadikan nyiru,  
yang setitik jadikan laut,  
yang sekempal jadikan gunung,  
alam berkembang jadikan guru.<sup>3</sup>

Menurut hukum alam tiada seorang pun yang sanggup hidup bersendirian. Adat Perpatih memestikan anak buah itu hidup dalam sukunya “bak telur sesangkar, pecah sebiji, pecah semuanya”.

Anak buah itu mestilah bekerjasama atau bergotong-rotong:

Bukit sama didaki,  
lurah sama dituruni,  
yang berat sama dipikul,  
yang ringan sama dijinjing,  
duduk sama rendah,  
berdiri sama tinggi.<sup>4</sup>

Dalam Adat Perpatih setiap orang mempunyai tugas-tugasnya sendiri walau dalam apa keadaan sekalipun:

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 9.

<sup>2</sup> Abdul rahman Muhammad, op. cit, hal. 13.

<sup>3</sup> Ibid, hal. 13.

<sup>4</sup> Ibid, hal. 13-14.

Jika cerdik teman berunding,  
jika bodoh disuruh arah,  
yang buta disuruh menghembus lesung,  
yang patah disuruh menunggu jemorang,  
yang pekak disuruh mencucuh meriam,  
yang berani dibuat kepala lawan, kalau kaya hendakkan emasnya,  
kalau mualim hendakkan doanya.<sup>1</sup>

Untuk menghilangkan ego terhadap diri sendiri, setiap kalangan masyarakat mesti sentiasa hidup berbudi kepada masyarakat, ini seolah-olah berbudi kepada dirinya sendiri.

Sehina semalu,  
hina seorang, hina semuanya,  
malu seorang, malu semuanya.<sup>2</sup>

### **Kedudukan Politik Negeri Sembilan**

Sebelum penjajah Inggeris menakluki Negeri Sembilan, seluruh pentadbiran demokrasi Adat Perpatih, di mana seluruh pemerintahannya disusun seperti kata pepatah:

Berjanjang naik, bertangga turun,  
naik di janjang yang di bawah,  
turun dari tangga nan di atas,  
alam beraja, Luak berpenghulu,  
Lembaga bersuku, Suku bertuan,  
anak buah beribu buapak.<sup>3</sup>

Di situlah letaknya demokrasi kerana seluruh ketua adat itu dipilih oleh rakyat banyak. Menurut teori sistem demokrasi, dalam susunan ini terdapat lima golongan dan peringkat masyarakat yang masing-masing ditentukan hak dan tanggungjawabnya. Golongan yang disebutkan itu ialah:

- a) Rakyat jelata.
- b) Buapak-buapak.
- c) Lembaga-lembaga.
- d) Penghulu dan Undang.
- e) Raja (Yamtuan).

Sesungguhnya Adat Perpatih yang diciptakan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang itu adalah satu adat yang sangat murni, mulia dan tinggi falsafahnya. Penciptanya atau tegasnya Datuk Perpatih adalah pujangga besar dan seorang ahli undang-undang yang luar biasa kebolehannya. Kecerdikan dan kepintarannya dalam

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 14.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 16.

<sup>3</sup> Y.B. Datuk Abdul Samad bin Idris, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, dalam seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, 1974, hal. 5.

menyusun satu peraturan bermasyarakat dan bernegara yang paling sesuai dalam zamannya serta dapat pula ia menempuh lebih lima ratus tahun lamanya.<sup>1</sup>

Kesimpulannya setiap rakyat dalam Adat Perpatih mempunyai hak masing-masing dalam garis-garis yang tertentu untuk memilih ketua dalam pemerintah negara. Kalau dalam pilihan raya sekarang ini wakil-wakil rakyat itu dipilih dalam lima tahun sekali, tetapi dalam pemilihan Adat Perpatih ia dipilih untuk seumur hidup. Meskipun kedudukannya seumur hidup tetapi setiap mereka yang telah terpilih tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dipanggil “pantang larang” yang mesti dipatuhi. Mereka mengikut apa yang melantiknya. Begitu juga datuk-datuk ini dibolehkan meletak jawatan, kerana sesuatu sebab seperti uzur, terlalu tua, pindah ke tempat lain dan sebagainya. Ia boleh meletak jawatan menurut perbilangan:

Hidup berkerelaan,  
Mati berkerapatan.

### **Analisa Birokrasi**

Ada semacam anggapan yang kuat di kalangan penganut-penganut Adat Perpatih dan juga penulis-penulis yang telah menghasilkan beberapa tulisan tentang Adat Perpatih bahawa Adat Perpatih itu bercorak demokrasi, sosialis, feudalism dan sebagainya. Contohnya penulis Abdul Rahman Muhammad mengatakan bahawasanya falsafah hidup Adat Perpatih itu didasarkan kepada demokrasi dan sosialisme.<sup>2</sup> Walau bagaimanapun pada pendapat penulis bukanlah Adat Perpatih itu bercorak demokrasi secara total. Besar kemungkinan politik Adat Perpatih lebih memenuhi ciri-ciri feudalisme. Ini kerana segelintir rakyat saja yang layak memegang kuasa tertinggi. Sedangkan rakyat yang lain hanya layak memegang ketua-ketua kecil sahaja.

### **Konsep Pemimpin Dan Kepimpinan Dalam Adat Perpatih**

Pada dasarnya, golongan pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih terdiri dari ketua-ketua adat iaitu Buapak, Lembaga, Orang Besar, Penghulu, Undang dan Yang Dipertuan Besar (Yamtuan). Perlantikan mereka secara amnya berlandaskan bersetujuan bersama dari anak buah, iaitu pengikut-pengikut kepada pemimpin-pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih. Kedudukan setiap pemimpin saling pengaruh mempengaruhi dan masing-masing menerima pengiktirafan sesama sendiri selain dari anak buah, seperti yang terdapat dalam kata perbilangan:

Bulat anak buah menjadikan Buapak,  
Bulat Buapak menjadikan Lembaga,  
Bulat Lembaga menjadikan Undang,  
Bulat Undang menjadikan Raja.<sup>3</sup>

Kepimpinan dalam Adat Perpatih berlandaskan kepada dua konsep iaitu ‘budi’ dan ‘muafakat’.<sup>4</sup> Kedua-duanya mempunyai nilai yang asa dalam Adat Perpatih.

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 2.

<sup>2</sup> Abdul Rahman Muhammad, op. cit, hal. 2.

<sup>3</sup> Haji Mohd Din bin Ali, op. cit, hal. 20.

<sup>4</sup> Nordin Selat, op. cit, hal. 20.



Sumbangan budi biasanya menerusi pemberian dalam bentuk material, tenaga, hormat menghormati dan sebagainya. Peranan muafakat pula dapat kita lihat melalui pencapaian terhadap satu keputusan. Dengan kata lain latta putus harus diberikan oleh setiap anggota yang menghadiri mesyuarat.

Dalam mesyuarat kita tidak dapat menolak bahawa perdebatan harus timbul. Perdebatan bukan untuk menunjukkan ego masing-masing tetapi lebih cenderung ke arah melahirkan kesempurnaan dan kebaikan untuk masyarakatnya. Keputusan mesyuarat harus diterima oleh semua pihak yang terlibat dalam keadaan yang baik. Baik dalam erti kata tidak ada ahli yang berkecil hati atas keputusan yang dibuat. Misalnya, pihak yang menang pula tidak harus merasa megah. Jadi sifat toleransi tertanam di jiwa pemimpin-pemimpin masyarakat Adat Perpatih kerana mereka berpendapat kesejahteraan hidup perlu ditegakkan atas dasar kebenaran.

### Syarat-Syarat Menjadi Pemimpin

Di kalangan masyarakat Adat Perpatih, latar belakang seorang individu yang hendak menjadi pemimpin adalah diambil kira. Dalam memilih seorang pemimpin atau menantu, faktor ini sering menjadi perhatian utama untuk menentukan. Oleh kerana pandangan mereka terlalu tinggi terhadap seseorang pemimpin itu, maka setiap pemimpin yang dipilih itu mestilah memenuhi beberapa syarat:

- a) Seseorang calon itu mestilah dari kaum lelaki.
- b) Beliau mestilah berhak dicalonkan dari segi keturunan.
- c) Beliau mestilah baligh dalam erti kata dewasa.
- d) Beliau mestilah dari keturunan yang baik, 'kalau bapanya borek, anaknya rintik.
- e) Beliau mestilah dipersetujui untuk memimpin oleh orang yang bakal dipimpinnnya, iaitu ada penerimaan dari anak buah.

Datuk Abdul Samad bin Idris menggariskan syarat-syarat menjadi penghulu atau pemimpin seperti berikut:<sup>1</sup>

1. Cerdik dakwa jawab.
2. Cerdik keji mengeji.
3. Cerdik kecek mengecek.
4. Cerdik cendekia.
5. Cerdik tipu-menipu.
6. Cerdik Partikulis.
7. Cerdik berakal.
8. Cerdik tahu pandai.

Menurut Abdul Rahman Haji Muhammad pula menyifatkan seorang pemimpin itu sebagai:<sup>2</sup>

Air yang jernih  
Tempurung yang ceper

<sup>1</sup> Datuk Abdul Samad bin Idris, Kemurnian Dalam Adat Perpatih, op. cit.

<sup>2</sup> Abdul Rahman Haji Muhammad, op. cit, hal. 57.



Seperti pohon di tengah padang  
Uratnya tempat bersela  
Batangnya tempat bersandar  
Dahannya tempat bergantung  
Buahnya untuk di makan  
Daunnya untuk berindung.

Ini menunjukkan kekuasaan dengan tujuan:

Menghilangkan yang buruk,  
Menimbulkan yang baik.<sup>1</sup>

Pemimpin itu hendaklah merupakan seorang yang arif, bijaksana dan berbudi  
bahasa yang baik di ibarat sebagai:

Lubuk akal.  
Lautan budi.<sup>2</sup>

Tatkala seseorang pemimpin itu hendaklah menyelesaikan sesuatu masalah ia  
hendaklah sentiasa:

Buruk dibaiki, kusut diselesaikan  
Kusut benang, caru hujung dan pangkal  
Kusut rambut, ambil minyak dan sikat  
Tidak ada keruh yang tidak jernih  
Tidak ada kusut yang tidak selesai.<sup>3</sup>

Ketika memberi pengadilan hendaklah ia mengawasi supaya keputusannya  
tidak mengakibatkan berpecah belah antara satu dengan lain. Suatu perkara yang agak  
sukar, tapi di amali oleh pemimpin-pemimpin Adat Perpatih ialah mengenai kajian  
orang, di mana setiap kajian orang mereka menganggap sebagai penawar.  
Sebagaimana kata perbilangan:

Gunting dari empat angkat  
Dibawa oleh orang Mandi angin  
Di pinjam orang ke Biara.  
Kalau datang persoalan dan umpat,  
Anggaplah sebagai penawar.<sup>4</sup>

Pada pandangan penulis senarai syarat-syarat di atas menepati segala syarat-  
syarat bagi pemilihan seorang calon pemimpin. Pemilihan di sini berdasarkan latar  
belakang keturunan yang baik dan harus mendapat pengiktirafan dari anak buah atau  
dengan kata lain masyarakat. Secara tidak langsung penilaian orang ramai adalah  
perlu kerana baik tidaknya keturunan atau kedudukan seseorang adalah dinilai oleh  
masyarakatnya. Yang jelas pemilihan selain dari berasaskan faktor kekeluargaan, ia  
juga mengutamakan sifat individu. Mengikut sistem Adat Perpatih pemilihan

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 58.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 58.

<sup>3</sup> Dr. Abdullah Siddik, op. cit, hal. 41.

<sup>4</sup> Abdul Rahman Muhammad, op. cit, hal. 59.

pemimpin tidak mengutamakan orang yang benar-benar berhak menurut giliran yang telah dipersetujui dan ditetapkan. Namun begitu faktor latar belakang keluarga berada, dihormati dan disegani dalam masyarakat sedikit sebanyak mempengaruhi pemilihan tersebut. Dari ini suku Biduanda merupakan suku yang mendapat tempat terutama untuk jawatan Undang. Kerana suku ini dipercayai sebagai suku asal di Negeri Sembilan.

Sungguhpun demikian ini tidak bererti suku lain terkeluar dari berpeluang memegang jawatan lain seperti Buapak atau Lembaga. Mereka masih berhak menjadi pemimpin selagi memiliki ciri-ciri penentuan di samping dapat memenuhi syarat-syarat sebagai seorang pemimpin, seperti pemilihan untuk jawatan Buapak dan Lembaga. Calon-calon dipilih di kalangan suku masing-masing tanpa campur tangan dari luar. Mengikut luns-luns demokrasi, mereka boleh dipecat sekiranya kedapatan antara mereka yang gagal menjalankan tugas dengan baik atau telah uzur.

### **Sifat-Sifat Seorang Pemimpin**

Sama ada Adat Perpatih atau dalam sebarang pemilihan pemimpin atau pemerintah secara umumnya, ciri-ciri dan bakat kepimpinan individu adalah diambil kira terlebih dahulu. Penglibatan orang ramai dalam menilai adalah merupakan peranan penting dalam melahirkan pimpinan yang ideal. Seorang pemimpin yang unggul menurut pandangan mereka yang mempunyai.<sup>1</sup>

Kedudukan ekonomi yang baik  
Badan yang sihat  
Watak yang baik  
Akal.

### **Kedudukan Ekonomi Yang Baik**

Bagi seseorang pemimpin harus baik ekonominya. Konsep yang digunakan ialah "bercukupan".<sup>2</sup> Istilah cukup ialah cukup untuk berkehidupan sebagai seorang pemimpin. Jadi pemimpin tersebut harus menyesuaikan hidup mengikut statusnya dalam masyarakat. Soal haya hidup dititikberatkan kerana ia dapat memperlihatkan kelainan antara seorang pemimpin dengan masyarakat biasa. Dalam masyarakat Adat Perpatih, pemimpin itu perlu ada ekonomi kerana ia terpaksa menguruskan beberapa hal, sekurang-kurangnya mengadakan jamuan kenduri-kendara secara besar-besaran. Syarat ini penting sebagai satu cara untuk menjaga imej diri, kadang-kala dituntut sebagai syarat yang dikatakan 'mengisi adat menuang Lembaga'. Mereka yang kurang ekonomi tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna malah besar kemungkinan akan mewujudkan watak yang lemah seperti menerima rasuah. Jadi dapat dibuat kesimpulan bahawa prestij individu bergantung kepada sejauh mana dia dapat menguasai punca-punca ekonomi.

---

<sup>1</sup> Nordin Selat, op. cit, hal. 21.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 21.

## Badan Yang Sihat

Selain faktor ekonomi, kesihatan badan perlu diambil berat oleh pemimpin-pemimpin kerana tugas mereka memerlukan tenaga dan fikiran yang waras. Oleh itu tidak hairan jika kita temui seorang pemimpin yang telah uzur menarik diri dan meletak jawatan dengan kerelaan sendiri. Perlakuan ini bertepatan dengan kata pepatah 'hidup berkerelaan'.<sup>1</sup>

Implikasi dari sikap pemimpin yang sedemikian, kita lihat tiada monopoli kuasa di kalangan calon-calon kerana masing-masing akan tiba gilirannya. Keanekan didapati bila mana kesedaran timbul sendiri di jiwa pemimpin tersebut bila ia merasakan tidak mampu untuk menjalankan pentadbiran seterusnya. Tarikan diri cara sedemikian agak sukar ditemui di kalangan pemimpin masa kini. Tidak pernah terdengar kuasa dalam masyarakat Adat Perpatih.

## Watak Yang Baik

Kesempurnaan seorang pemimpin belum mencukupi seandainya tidak mempunyai watak yang baik dan sifat terpuji seperti pemurah, sabar, benar, amanah dan tabligh. Sifat sedemikian amat perlu kerana seorang pemimpin itu merupakan lambang kebaikan. Kebaikan tingkah laku akan menjadi teladan kepada anak buah. Sifat tabligh di sini bererti dia mengetahui semua perkara adat dan bertanggungjawab menjaga anak buahnya supaya tidak melanggar adat. Sebagai kesimpulan pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih mesti bijaksana dalam hal agama, adat dan intelek. Intelek di sini tidak semestinya seorang pemimpin itu berpelajaran tinggi, tapi memadai dengan berfikiran matang dan luas pandangan. Bila membuat keputusan dia tidak dipengaruhi perasaan tapi berpandukan akal.

Watak yang baik itu bermakna ia terkeluar dari sifat-sifat kekejian. Antara sifat-sifat kejahatan yang disebutkan dalam undang-undang Sungai Ujong, pasal sembilan puluh sembilan adalah seperti berikut:<sup>2</sup>

1. Sabung judi.
2. daripada minum makan.
3. daripada menghisap dan berkuda.
4. daripada awai-awai yakni suatu pun tidak dikerjakan.

Bermakna setiap pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih mesti menjauhi dari sifat-sifat tersebut. Andainya mereka melakukan, berkemungkinan mereka dipecat.

## Akal

Menurut apa yang terdapat dalam undang-undang Sungai Ujong nombor lima puluh mengatakan akal itu terhenti atas tiga perkara, iaitu sabar, benar dan tawakal. Pengertian sabar itu ialah hati mukmin istana Allah. Pengertian benar, ialah melintas pada langit dan bumi kerana diperkenankan Allah. Manakala pengertian tawakal itu

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 21.

<sup>2</sup> Sir. Richard Winsted dan Dr. P.E. de Josselin de Jong, A Digest of Customary Law from Sungai Ujong, JMBRAS, vol. 27, pt. 3, 1954, hal. 55.

yakin kepada Allah S.a.w. inilah yang dikatakan pohon akal.<sup>1</sup> Manakala syarat akal itu lima perkara:<sup>2</sup>

1. Tahu pada adat.
2. Tahu pada bahasa.
3. Tahu bersembunyi.
4. Jaga.
5. Senjata yang tajam.

Dikatakan tanah akal itu menyampaikan dan celaka akal itu tidak menyampaikan. Dengan itu sempurnalah sifat-sifat seorang pemimpin yang hendak dilantik oleh rakyat.

### **Tugas-Tugas Seorang Pemimpin**

Tugas seorang pemimpin itu bergantung kepada peringkat yang dipimpin, iaitu di peringkat Perut (Buapak), Suku (Lembaga), Luak (Undang) dan negeri (Yang Dipertuan Besar). Nordin Selat membahagikan tugas pemimpin kepada dua kategori iaitu tugas ke dalam dan tugas keluar.<sup>3</sup> Tugas mengawasi harta Pesaka, menjaga dan menyelesaikan masalah anak buah termasuk dalam kategori tugas ke dalam kerana di hanya mengawasi segala aktiviti kelompok yang dipimpin. Sementara tugas keluar menghendaki pemimpin-pemimpin tersebut mewakili kelompoknya dalam hubungan dengan kelompok yang lain. Mereka berkewajipan mengemukakan, mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan kelompok mereka.

Dengan jelasnya tiap-tiap seorang itu hanya berkuasa setakat mana yang telah digariskan oleh adat itu sendiri. Untuk lebih jelas dapat dilihat dalam undang-undang Sungai Ujong fasal dua yang berbunyi:<sup>4</sup>

“Adapun tiap manusia itu raja pada tempatnya, orang kebanyakan itu raja pada tempatnya, Penghulu itu raja pada tempatnya, hulubalang itu raja pada tempatnya, pegawai itu raja pada tempatnya, kanak-kanak itu raja pada tempatnya, perempuan itu raja pada tempatnya, sidang Jumaat raja pada tempatnya, segala binatang itu raja pada tempatnya, segala burung itu raja pada tempatnya.

Ertinya orang kebanyakan itu raja pada tempatnya tatkala dalam negeri akan menjadi kerja berat pulanglah kepada mereka, adapun penghulu raja pada tempatnya, tatkala anak buahnya berselisih di dalam negeri, pulanglah kepadanya memukul dan menjengkal ini negeri, dialah jadi ukuran. Adapun Menteri, pegawai raja pada tempatnya itu, tatkala negeri kusut dan penghulu-penghulu tidak bermuafakat, pulanglah kepadanya. Jika datang pekerjaan besar di dalam negeri, halnya itu pulang kepadanya dan sekalian isi negeri mengikut akan dia. Adapun hulubalang raja pada tempatnya itu, tak kala berkelahi atau berperang, barang apa katanya di ikut oleh isi negeri, jikalau raja sekalipun hendaklah mengikut juga padanya”.

---

<sup>1</sup> Ibid, hal. 55.

<sup>2</sup> Ibid, hal. 55.

<sup>3</sup> Nordin Selat, op. cit, hal. 20.

<sup>4</sup> Sir. Richard Winstedt dan Dr. P.E. Josselin de Jong, op. cit, hal. 39.

Meneliti dari konsep kepemimpinan, membawa kepada syarat dan tugas seorang pemimpin, ternyata masyarakat Adat Perpatih benar-benar dapat melahirkan seorang pemimpin yang ideal. Meskipun ciri-ciri yang dikehendaki agak sukar dipenuhi pada keseluruhannya (seratus peratus). Namun ciri dan sifat-sifat ini menjadi pilihan utama, kerana seorang pemimpin itu akan berkhidmat untuk seumur hidup kecuali dipecat oleh sebab-sebab yang tertentu atau terlalu uzur kerana sakit, tua atau meninggal dunia.

Jadi pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih tidak perlu berkelulusan tinggi tetapi memadai dengan berpengetahuan luas dalam adat di samping memiliki sifat-sifat sempurna yang dapat dilihat oleh seluruh anak buah. Pelaksanaan peranan pemimpin-pemimpin ini pada amnya tertakluk kepada hukum adat.

### **Pantang Larang Terhadap Seseorang Pemimpin**

Sebagai seorang pemimpin, mereka dikenakan beberapa tegahan dalam bentuk pantang larang yang tidak boleh dilakukan sama sekali. Disiplin ini adalah bertujuan untuk menjaga imej terhadap seseorang pemimpin yang dilantik itu. Antara tegahan-tegahan itu termasuklah:<sup>1</sup>

Tidak boleh memarahkan mereka, bermaksud dia tidak boleh bengis bila berhadapan dengan masalah. Jika berlaku, itu dianggap memalukan anak buah. Tidak boleh menghentam tanah, yakni menunjukkan perlakuan kasar dan menggunakan isyarat seperti menghentak kaki, menumbuk meja dan lain-lain. Sikap ini juga dianggap bertentangan dengan prinsip muafakat dan adat.

Untuk menjaga taraf pemimpin, dia harus bertata-tertib walaupun di mana berada. Mereka dilarang melakukan perkara-perkara berikut:

Tidak boleh sama sekali menyingsing lengan baju,  
tidak boleh berlari-lari anak,  
tidak boleh memanjat tanpa tangga,  
tidak boleh menjunjung sesuatu di atas kepala,  
tidak boleh mengangkat barang atau mengandar,  
tidak boleh berbual-bual di bawah anjung atau serambi.

Kita tidak pernah melihat pantang larang ke atas pemimpin-pemimpin lain. Di sinilah letaknya kelalaian di antara pemimpin di dalam masyarakat Adat Perpatih dengan adat-adat lain. Ini menunjukkan masyarakat Adat Perpatih memandang terlalu tinggi terhadap seseorang pemimpin itu, maka pantang larang ini lahir, hinggakan mereka tidak boleh melakukan sewenang-wenangnya dalam kehidupan seharian. Apa yang dilakukan harus berpandu dengan hukum adat.

---

<sup>1</sup> A.M. Datuk Maruhun Batuah, Hukum Adat Dan Adat Minangkabau, N.V. Poesaka Aseli, Jakarta, 1957, hal. 16.

## Penutup

Adat Perpatih di Negeri Sembilan seperti juga bentuk asalnya adat Minangkabau, telah wujud dari generasi ke generasi sebagai tradisi lisan. Adat ini tidak mempunyai bentuk dan erti yang tepat seperti undang-undang. Ini kerana adat itu untuk memudahkan perubahan mengikut penyesuaian keadaan masa dan tempat.

Seorang pengkaji mungkin menemui pelbagai-bagai adat di daerah yang berlainan di Negeri Sembilan. Ini bukan bererti penganut adat itu keliru tentang adat, malahan ia merupakan suatu yang wajar kerana tiap-tiap daerah membuat interpretasinya sendiri ke atas adat yang diutarakan dalam perbilangan dan mengubah atau memasukan unsur-unsur yang sesuai dengan keadaan tempatan.

Kalau meneliti keadaan politik Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah merangkumi ciri-ciri pembahagian kuasa antara luak-luak dan dalam setiap luak pula ada pembahagian kuasa hingga ke peringkat yang paling kecil. Menurut penulis Abdul Rahman Muhammad mengatakan, bahawasanya falsafah hidup Adat Perpatih itu didasarkan kepada demokrasi dan sosialisme.<sup>1</sup> Ini mungkin corak politik pemerintahan Adat Perpatih adalah hasil percampuran antara dua sistem ini. Demokrasi adalah satu pemerintahan atau kerajaan yang didirikan dan dikendalikan sendiri oleh penduduk atau rakyat kerana faedah dan kebahagiaan bersama, untuk faedah dan kebahagiaan bersama. Manakala Sosialis pula memetingkan supaya umat manusia tetap hidup bermasyarakat, segala kemewahan atau kesusahan adalah ditanggung oleh masyarakat secara kolektif. Oleh kerana ciri-ciri kedua sistem ini wujud dalam masyarakat Adat Perpatih, maka Abdul Rahman Muhammad mengatakan politik Adat Perpatih adalah bercorak demokrasi dan sosialisme.

Manakala R.J. Wilkinson pula mengatakan politik Adat Perpatih adalah bercorak demokrasi<sup>2</sup> sahaja. Ini mungkin dia melihat dari sudut pemilihan pemimpin secara umum yang mana tidak mengira keturunan seperti yang terdapat dalam Adat Temenggung. Sementara M.B. Hooker pula mengatakan politik Adat Perpatih adalah politik adat yang berperlembagaan.<sup>3</sup>

Dalam hal ini penulis tidak sependapat dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan, kerana pada hemat penulis politik Adat Perpatih bukanlah bercorak demokrasi secara total atau sosialis secara total, malahan ia lebih bersifat feudalisme. Ini kerana segelintir rakyat sahaja yang layak memegang kuasa tertinggi bergantung kepada suku Biduanda yang ia berada di bawahnya. Sedangkan rakyat yang lain hanya layak memegang kuasa yang kecil sahaja. Kalau demokrasi yang sebenarnya tidak kira keturunan sama ada dari suku Biduanda atau lain-lain semuanya layak menjadi pemimpin tertinggi asalkan ia berkeelayakan.

Berhubung dengan kedudukan sistem ini dalam perundangan negara adalah tidak dipertikaikan lagi kerana ada peruntukan dalam Perlembagaan Negara Malaysia perkara 181 (1) yang berbunyi: Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, kedaulatan, hak kedaulatan kuasa dan bidang kuasa Raja-raja dan

---

<sup>1</sup> Abdul Rahman Muhammad, op. cit, hal. 2.

<sup>2</sup> R.J. Wilkinson, Malay Law, Paper On Malay Subjects, Law, part 1, 1908, hal. 7.

<sup>3</sup> Temu bual dengan M.B. Hooker, di UKM Bangi, semasa ia menjadi pensyarah pelawat, pada 29.9.1981.

hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa Pembesar-Pembesar memerintah Negeri Sembilan dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang adalah tetap tidak tersentuh.<sup>1</sup>

Mudah-mudahan adat ini akan kekal sebagai suatu peradaban tradisi Melayu yang unggul. Kewujudannya hingga ke hari ini menjadi kebanggaan kepada orang-orang Melayu kerana ia merupakan suatu sistem yang timbul dan berkembang di rantau sebelah sini tanpa kesedaran dari mana-mana adat di dalam dunia ini.

---

<sup>1</sup> Perlembagaan Negara Malaysia, perkara 181 (1).

## BIBLIOFAFI

1. Abdul Rahman bin Haji Mohammad, *Dasar-Dasar Adat Perpatih*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
2. Abbas Haji Ali, *Rembau, Sejarah Perlembagaan Dan Adat Istiadatnya*, Pejabat Cetak Kerajaan Johor, 1953.
3. Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan Dan Sejarahnya*, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1968.
4. Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
5. Abdul Samad Idris, *Kemurnian Dalam Adat Perpatih*, Kertas Kerja Seminar Pesejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, 1974.
6. A.M. Datuk Maruhun Batuah & D.H. Baginda Tanameh, *Hukum Adat Dan Adat Minangkabau*, N.V. Poesaka Aseli, Jakarta, 1957.
7. Hooker M.B, *Adat Laws In Modern Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
8. Hooker M.B, *Reading In Malay Adat Laws*, Singapore University Press, Singapore, 1970.
9. Hooker M.B, *The Personal Laws of Malaysia*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, London, 1976.
10. A. Kadir Yusof, *Mengenal Adat Perpatih Struktur dan Organisasi*, Dewan Masyarakat, 1972.
11. Abdul Ghani Shahmaruddin, *Adat Perpatih Negeri Sembilan Patutlah Dikaji Dengan Teliti*, Dewan Masyarakat, 1964.
12. Martin Lister, *The Negeri Sembilan Their Origin And Constitution*, JSBRAS, no. 19, 1887.
13. Gibb H.A.R. and Kramers, *Shorter Encyclopedia Of Islam*, Leiden: Brill, 1961.
14. Brown B.J. *Justice And The Adat Perpatih Law or Lore*, Papers on Malayan History, JSEAH, Singapore, 1962.
15. Gullick, J.M. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, (DBP), Kuala Lumpur, 1970.
16. Balandier G. *Political Anthropology*, Pelican/ Peguin, England, 1974.
17. Gould & Kolb, *A Dictionary of Social Sciences*, Tavistock Publication, London, 1974.



18. Haji Mohtar bin Haji Mohd Dom, Adat Perpatih Dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia, Federal Publication, Kuala Lumpur, 1977.
19. Haji Hassan Haji Salleh, Prinsip-Prinsip Fiqh Islam, Pustaka Aman Press, Kota Bahru, 1979.
20. Haji Mohd Din bin Ali, Islam and Adat, Two Forces In Malay Society, Intisari, MSRI, Vol. 1, No. 3, Singapore, 1963.
21. Dr. Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1976.
22. Lokman Yusof, Islam and Adat, as Seen In Land Inheritance, Intisari, MSRI, Vol. 1, No. 4, Singapore, 1963.
23. Haji Buyong Adil, Sejarah Negeri Sembilan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981.
24. M. Sharif Fakeh Hassan, Sejarah Kedatangan Adat Perpatih Ke Negeri Sembilan dan Kaitannya Dengan Minangkabau, Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, 1974.
25. Swift M.G. Malay Peasant Society In Jelebu, New York, 1965.
26. Winstedt R.O, Negeri Sembilan, The History, Polity and Beliefs of Nine States, JMBRAS, Vol. 3, 1934.
27. Shallabear W.G. sejarah Melayu, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.
28. Syed Husin Ali, Masyarakat Dan Pimpinan Kampung Di Malaysia, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1977.
29. Taylor B.H, Customary Law Of rembau, JMBRAS, Singapore, Vol. 2, Part 1, 1929.
30. Sir. Richard Winstedt dan Dr. P.E. de Josselin de Jong, A Digest of Customary Law from Sungai Ujong, JMBRAS, Vol. 27, Part 3, 1954.
31. Zainal Keling, Sistem kekeluargaan Di Melaka, Jabatan Pengajian Melayu, Latihan Ilmiah Untuk Sarjana Sastera, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.
32. Shoekon J.J. A. Aziz bin Khamis, Adat Kuala Pilah, JMBRAS, Vol. 14, bhg.3, 1936.
33. Utusan Malaysia, Rabu, 6 Februari, 1980.
34. The Malay Law Journal, Januari, 1981.

35. En Shamsul Amri bin Baharuddin, Politik Adat Perpatih, Kertas Kerja Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, April, 1974.
36. Wilkinson R.J. (ed) Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur, Singapura, 1921.
37. Datuk Talib bin Jonos, Setiausaha kepada Y.T.M Datuk Kelana Putera, Undang Sungai Ujong, Temu bual penulis, 5.12.1981.
38. Kertas Kerja Minggu Sejarah Negeri Sembilan, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan Negeri Sembilan, 1974.
39. Datuk Andata Abdul Aziz bin Ahmad, (Lembaga) kampung Baru, Chek Lah, Mantin Dalam, Mantin, Temu Bual Penulis pada 6.12.0981.
40. Datuk Raja Diraja Abd Razak bin Mohd Janin (Lembaga) 26 G, Jalan Rasah, Seremban, temu bual penulis, pada 13.12.1981.
41. M.B. Hooker, temu bual penulis di UKM, pada 29.9.1981.
42. Perlembagaan Negara Malaysia.
43. Perlembagaan Negeri Sembilan, 1969.